

Cari jalan kurangkan kos sara hidup: PM

➔ Guan Eng akan keluarkan kenyataan berkaitan projek ECRL

BH - 29/1/2019 ml: 4

Oleh Azura Abas, Mohd Husni Mohd Noor, Zanariah Abd Mutalib dan Hashini Kavishtri Kannan
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir menegaskan kerajaan menyedari bahawa rakyat sebenarnya tidak gembira dengan kos sara hidup yang tinggi. Setelah itu, Perdana Men-

teri berkata, kerajaan harus mencari jalan untuk mengurangkan kos sara hidup dan rakyat mempunyai pendapat yang lebih baik. "Kos hidup yang tinggi bagi orang kaya tidak bermakna apa-apa bagi mereka, tetapi bagi orang miskin, ia masalah besar," katanya pada sidang media selepas menghadiri taklimat tertutup Program Eksekutif Pengurusan Tertinggi Badan Berkanun Persekutuan Bersama Perdana Menteri di sini, semalam. Program berkenaan dengan te-



Dr Mahathir mendengar penerangan Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun Kementerian Kewangan, Datuk Shahrol Anuar Sarman ketika melawat pameran di Putrajaya, semalam.

ma Badan Berkanun Persekutuan (BBP) Wibawa Pemacu Malaysia Baharu yang julung kali diadakan dihadiri 260 peserta terdiri daripada Ketua Pengarah Eksekutif, Pengurus Besar, Ketua Pengarah dan pengurusan kanan dari 132 BBP seluruh negara.

Keputusan rakyat Mengulas kemenangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya

Kecil (PRK) Parlimen Cameron Highlands, Sabtu lalu, Dr Mahathir berkata, ia bukan sesuatu yang mengejutkan.

Beliau berkata, kawasan luar bandar seperti Cameron Highlands sememangnya kubu kuat BN, selain parti itu turut memainkan isu perkauman pada PRK berkenaan.

"Ini sesuatu yang malang, namun ini adalah keputusan yang

dibuat rakyat dan kita terima," katanya.

Sabtu lalu, BN mengekalkan kemenangan di PRK Parlimen Cameron Highlands melalui calonnya, Ramli Mohd Noor yang meraih 12,038 undi.

Beliau menewaskan calon Pakatan Harapan (PH), M Manogaran (8,800 undi) dan dua calon Bebas, Sallehudin Ab Talib (314 undi) dan Wong Seng Yee (276 undi).